

**SOALAN LAZIM MENGENAI GANJARAN KESETIAAN SSPN-i  
2020**

**1. Soalan :**

Apakah yang dimaksudkan dengan Ganjaran Kesetiaan SSPN-i?

**Jawapan :**

Ganjaran Kesetiaan SSPN-i merupakan kempen pemberian ganjaran tambahan kepada 'pendeposit SSPN-i yang setia' di samping pemberian dividen tahunan yang tinggi. Pemberian ganjaran ini adalah sebagai tanda penghargaan atas kesetiaan pendeposit SSPN-i yang membuat simpanan tanpa pengeluaran dalam tempoh tertentu.

**2. Soalan :**

Bilakah kempen ini bermula?

**Jawapan :**

Kempen ini bermula pada 05 Februari 2020 dan berakhir pada 30 April 2020.

**3. Soalan :**

Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini?

**Jawapan :**

Kempen ini adalah untuk pendeposit SSPN-i yang mempunyai akaun dan memenuhi kriteria berikut:-

- i. Membuka akaun SSPN-i sebelum tahun 2017;
- ii. Akaun yang masih aktif pada 01 Januari 2020

**4. Soalan :**

Di manakah pendeposit boleh membuat semakan akaun SSPN-i yang layak?

**Jawapan :**

Akaun SSPN-i yang layak boleh disemak dengan melayari laman web PTPTN, ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)), di kaunter cawangan PTPTN atau menghubungi talian *Careline*, 03-2193 3000 untuk info lanjut.

**5. Soalan :**

Bagaimanakah caranya untuk mendapatkan Ganjaran Kesetiaan SSPN-i ini?

**Jawapan :**

Pendeposit SSPN-i yang memenuhi kriteria di atas perlu membuat penambahan simpanan terkumpul sekurang-kurangnya RM500 dalam tempoh kempen, tanpa ada pengeluaran dari mana-mana akaun di bawah pendeposit yang sama.

6. **Soalan :**

Di manakah pendeposit boleh menambah simpanan SSPN-i?

**Jawapan :**

Akaun SSPN-i boleh ditambah secara *online* melalui [www.lovespni.com](http://www.lovespni.com), di kaunter cawangan PTPTN atau melalui ejen-ejen sah yang telah dilantik.

7. **Soalan :**

Adakah permohonan perlu dibuat untuk mendapatkan Ganjaran Kesetiaan SSPN-i?

**Jawapan :**

Tidak perlu kerana ganjaran ini akan diberikan secara automatik.

8. **Soalan :**

Berapakah nilai Ganjaran Kesetiaan SSPN-i yang ditawarkan di dalam kempen ini?

**Jawapan :**

Kadar Ganjaran Kesetiaan SSPN-i adalah sebanyak **1% atas simpanan** yang dibuat dalam tempoh kempen. Kadar ini merupakan kadar tambahan ke atas kadar dividen tahunan yang diberikan oleh PTPTN.

9. **Soalan :**

Bilakah Ganjaran Kesetiaan SSPN-i akan diberikan?

**Jawapan :**

Salah satu kelebihan di dalam kempen ini adalah Ganjaran Kesetiaan SSPN-i akan diberikan di dalam tahun yang sama, dimana ia akan dikreditkan ke dalam akaun SSPN-i dalam tempoh 2 bulan selepas tamat tempoh kempen.

Pendeposit boleh menyemak penyata simpanan di Portal Rasmi PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)) atau menghubungi talian *Careline* 03-2193 3000 untuk info lanjut.

10. **Soalan :**

Adakah pendeposit layak mendapat perlindungan takaful berkelompok secara percuma sekiranya jumlah simpanan di dalam SSPN-i telah mencecah RM1,000 termasuk jumlah Ganjaran Kesetiaan SSPN-i?

**Jawapan :**

Layak.

**11. Soalan :**

Adakah pendeposit layak menerima Ganjaran Kesetiaan SSPN-i sekiranya telah mengeluarkan wang dari akaun SSPN-i yang lain (akaun yang tidak layak di dalam kempen ini)?

**Jawapan :**

Tidak layak kerana ia dikira pengeluaran di bawah pendeposit yang sama.

**12. Soalan :**

Adakah Ganjaran Kesetiaan SSPN-i layak dividen tahunan?

**Jawapan :**

Ya, ini adalah nilai tambah kepada pendeposit apabila ia turut dikira sebagai tambahan simpanan yang akan melayakkan dividen tahunan.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh **Kempen “Ganjaran Kesetiaan SSPN-i 2020”**.*

Maklumat dikemas kini pada 29 Januari 2020